

---

Title	Menghidupkan minat membaca
Author(s)	Muhammad Ariff B Ahmad
Source	<i>Singapore Journal of Education</i> , 2(2), 61-62
Published by	Institute of Education (Singapore)

---

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

## Menghidupkan Minat Membaca

Tiap ibu bapa mahukan anaknya rajin membaca. Guru-guru juga sentiasa menggalakkan murid-muridnya membaca. Sempena Tahun Kanak-kanak Antarabangsa, Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan telah mengemukakan cogan kata "Beri sebuah buku tiap kanak-kanak". Dan, ada pertubuhan tertentu sedang berusaha menggalakkan kanak-kanak membaca dengan mengadakan kegiatan-kegiatan membaca. Kegiatan-kegiatan itu dilakukan kerana ramai antara kita yang mendapati bahawa *minat membaca di kalangan kanak-kanak kita adalah sangat disangsikan!*

Tidak jarang kita dengar bahawa kelemahan atau kekurangan minat membaca di kalangan kanak-kanak itu adalah disebabkan oleh kekurangan buku-buku (bacaan). Terutama dalam masyarakat Melayu, kita selalu dimaklumkan bahawa kekurangan buku-buku untuk bacaan kanak-kanak (juga untuk bacaan umum) ialah disebabkan oleh penulis-penulis kita tidak rajin menulis buku; kebanyakan penulis kita hanya menulis sajak-sajak, cerpen untuk suratkhbar dan majalah, dan sedikit penulis yang menulis naskhah-naskhah drama untuk siaran radio dan televisyen kita.

Golongan penulis pula menyalahkan sikap penerbit-penerbit buku; penerbit-penerbit itu kurang berminat menerbitkan buku-buku karya penulis-penulis itu; penerbit-penerbit itu terlalu memikirkan keuntungan sahaja, sebab itu mereka hanya mahu menerbitkan karya penulis-penulis tertentu sahaja. Dan, pihak penerbit pula menyalahkan masyarakat (pembaca), kecuali beberapa "ulat buku" mereka kurang membeli buku-buku bacaan 'am. Masyarakat lebih suka membelanjakan wangnya untuk hiburan, leasure dan benda-benda mewah daripada menggunakan wangnya itu untuk membeli buku-buku untuk bacaan anak-anak dan keluarganya!

Kalau diteruskan juga mencari-sebab mengapa kanak-kanak kita itu kurang minat membacanya, maka akan timbul suatu jawapan yang tak positif iaitu sama halnya dengan keadaan se-

buah nyanyian rakyat kita: "*Oh bangau! Oh bangau! Mengapa engkau kurus?*"

Jawabnya ialah:

*bangau menyalahkan ikan;  
ikan menyalahkan rumput;  
rumput menyalahkan kerbau;  
kerbau menyalahkan perut;  
perut menyalahkan nasi;  
nasi menyalahkan kayu;  
kayu menyalahkan hujan;  
hujan menyalahkan katak;  
katak menyalahkan ular;* dan ular,

dengan penuh yakin dan puas mengakhiri jawaban-jawaban itu dengan perkatan, "*memang sahaja begitu!*" maksudnya ialah *memang sudah begitu ditakdirkan alam* (nature), iaitu *ular memakan katak adalah wajar menurut hukum alam*; bukanlah suatu kesalahan atau pencerobohan hak!

Bagi makhluk golongan bukan-manusia (dari bangau sampai ke ular) takdir alam begitu memanglah wajar, tetapi bagi makhluk golongan manusia tidaklah seyugia semata-mata menyamakan diri dan kehidupannya dengan makhluk golongan pertama tadi; manusia telah dikurniai akal oleh Allah dan dengan akal itu manusia telah mencipta kebudayaan. Kebudayaan adalah hal yang membezakan kehidupan manusia dengan kehidupan bukan-manusia. Bukan-manusia hidup ditentukan oleh alam; hidupnya merupakan keterusan pengalaman hidup datuk neneknya, tetapi manusia hidup mengatur hidupnya untuk kesejahteraan anak cucunya; corak hidupnya disesuaikan dengan keadaan alamnya. Jadi, logik biologi yang berlaku pada kehidupan makhluk golongan pertama tadi tidak semuanya dapat dianggap logik buat kehidupan makhluk golongan kedua (manusia).

Para ulamak menyampaikan kepada kita bahawa perintah pertama Allah subhanahu wa taala kepada manusia ialah "membaca". Allah memerintahkan kita membaca kerana Dia mengajari manusia ini menerusi qalam dan tinta (maksudnya: menerusi bacaan). Dengan lain cara ekspresi:

barangsiapa tidak membaca amatlah tipis harapannya untuk menikmati ilmu pengetahuan yang dikurniakan Allah kepada manusia itu.

Kita sekalian sedar akan hakikat itu, sebab itu kita mahu anak-anak kita membaca; kita suruh mereka itu membaca; kita galakkan mereka membaca; malah dalam setengah-setengah keadaan kita paksa anak-anak kita itu supaya membaca, tetapi hasil dari tindakan kita itu: seperti yang dinyatakan tadi — kanak-kanak kita belum juga gemar membaca dan buku-buku yang dikatakan tidak memadai itupun masih juga berlambak-lambak di kedai-kedai buku; belum terjual.

Pada pandangan saya: sedar dan menggalakkan anak-anak membaca dengan cara yang setengah-setengah kita lakukan itu kurang mendatangkan menafaat. Ibu bapa perlulah bertindak maju setapak lagi dalam usaha menjadikan anak-anak kita itu gemar membaca. Yang perlu dilakukan oleh ibu bapa bukanlah setakat menggalak hingga memaksa sahaja, tetapi ialah menyertai kegiatan membaca kanak-kanak itu. Penyertaan ibu bapa yang boleh mendatangkan kesan baik dalam kegiatan membaca itu ialah dengan mengadakan bahan-bahan yang cukup dan sesuai untuk kanak-kanak, membimbing mereka itu membaca dan memberi contoh dengan menunjukkan sikap positif ibu bapa terhadap membaca.

Ada ibu bapa yang membelikan anak-anaknya bahan-bahan bacaan selain daripada buku-buku teks sekolahnya; tetapi usaha ibu bapa itu membina resmi membaca anak-anaknya berhenti di situ, tidak ada follow-upnya lagi. Ada pula ibu bapa yang membelikan buku anak-anaknya itu tanpa memilih buku-buku itu — asal beli sahaja.

Bagaimanapun, sebagai langkah pertama (langkah yang tidak berhenti setakat itu sahaja), “membelikan buku” untuk bacaan anak-anak begitu adalah merupakan suatu tindakan positif untuk membantu merangsang minat membaca anak-anak itu. Ikutilah tindakan itu dengan “mengajak” (bukan menyuruh) anak-anak itu membaca. Tunjukkan minat — sekurang-kurangnya ciri-ciri yang menampakkan bahawa ibu bapa itu sendiri memang gemar — membaca supaya

sikap dan minat ibu bapa itu dicontohi oleh anak-anaknya.

Ibu bapa boleh menampakkan minat membacanya kepada anak-anaknya itu dengan menyertai kegiatan membaca anak-anaknya; menampakkan bahawa ibu bapa mengambil berat tentang pembacaannya dengan mengemukakan beberapa pertanyaan tentang sejauh mana anak-anak itu selesai membaca, tentang isi bacaannya, tentang bahasa yang terpakai dalam bacaan itu (termasuk maksud frasa-frasa; ungkapan; peribahasa dan sebagainya), tentang fikiran yang dibentangkan oleh pengarang menerusi buku yang dibacanya itu; dan cubalah tanya pendapat anak-anak itu tentang isi bacaannya.

Sebelum semua langkah-langkah tadi dilakukan, ibu bapa itu sendiri haruslah rajin membaca; sekurang-kurangnya, ibu bapa itu mengadakan satu jangkamasa tertentu dalam jadualwaktu hariannya untuk duduk membaca. Nampakkan kepada anak-anak bahawa mereka itu sentiasa menggunakan waktu lapangnya untuk membaca. Suratkhbar dan majalah bolehlah dijadikan bahan-bahan bacaan. Sekali-sekali, adakanlah semacam perbincangan dengan anak-anak tentang berita-berita, peristiwa-peristiwa, rencana-rencana atau apa sahaja yang diperolehi oleh ibu bapa itu dari bacaannya itu.

Belikanlah anak-anak anda sekurang-kurangnya sebuah buku tiap dua minggu; mulai dengan buku-buku cerita yang digemari oleh anak-anak itu dan tidak memakan masa terlalu lama untuk menyudahkan bacaannya, kemudian beransur-ansur kepada buku-buku yang lebih serius dan boleh merangsangkan pemikiran anak-anak itu. Siapkanlah beberapa dolar dari pendapatan anda tiap bulan untuk membelikan buku anak-anak anda!

Jika saranan ini mendapat perhatian yang wajar dari ibu bapa, dan ramai pula ibu bapa yang cuba mempraktikkannya, adalah dipercayai bahawa mulai dari masa tindakan itu diambil peratusan anak-anak kita yang kurang minat membaca akan bertambah kecil, dan akhirnya akan menghilang langsung. ☺